

Mahathir sahkan Yusof Noor Penqerusi baru Felda

SHAH ALAM 30 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan pelantikan Datuk Dr. Yusof Noor sebagai Pengerusi Felda yang baru.

“Seingat saya, ya (telah dilantik),” katanya kepada pemberita ketika ditanya sama ada Yusof telah dilantik ke jawatan tersebut.

Dr. Mahathir memberitahu demikian selepas berucap merasmikan Konvensyen UMNO Ke-10 Badan Perhubungan UMNO Selangor, di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam berkata, pelantikan Dr. Yusof dibuat kerana beliau tidak terikat dengan sebarang jawatan dalam pentadbiran kerajaan.

“Selain luas pengalaman, beliau juga disifatkan sebagai pemimpin yang berani dan mampu memikul tanggungjawab ini,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan me-

syuarat agung Koperasi Angkatan Relawan Rakyat (Rela) Malaysia Berhad kali keenam di sini, hari ini.

Kasitah memberitahu, Alias melepaskan jawatannya kerana merasakan terlalu lama memegang jawatan itu sejak 22 tahun lalu.

Katanya, beliau menerima surat pelepasan jawatan Alias awal bulan ini dan ia berkuat kuasa esok.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, Malaysia menyokong pelantikan semula Kofi Annan, 63, sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tempoh lima tahun lagi.

Bagaimanapun, katanya, sesiapa sahaja yang dilantik ke jawatan itu akan mengalami kesulitan dalam menjalankan tugasnya.

“Ini kerana beliau terpaksa melakukan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan PBB yang lebih berkuasa,” katanya.